

KEPENTINGAN ORIENTASI TEORI KAUNSELING DALAM PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN PENYELIAAN KAUNSELING

Nor Mazlina Ghazali & Wan Marzuki Wan Jaafar
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kertas kerja ini akan membincangkan berkaitan kepentingan orientasi teori kaunseling dalam penyeliaan kaunseling. Menurut Poznanski dan Mc Lennan dalam Gelso (1995), menyatakan penyelidikan dalam konseptualisasi dan pengukuran dalam bidang orientasi teori adalah kurang diberi perhatian. Asasnya perbincangan berkaitan orientasi teori kaunseling adalah merujuk kepada aplikasi teori-teori dalam proses kaunseling dan penyeliaan kaunseling, yang mana ia akan memberi kesan kepada hasil penyeliaan. Sejak kebelakangan ini, telah berlaku perubahan di mana berdasarkan hasil kajian terdapat peningkatan terhadap aplikasi orientasi teori eklektik atau integratif, berbanding teori kaunseling yang klasik misalnya psikodinamik atau humanistik (Norcross & Goldfried dalam Boswell, Castonguay & Pincus, 2009). Norcross (dalam Poznanski dan Mc Lennan, 1995), juga menyatakan konsep teori adalah penting dan menjadi asas kepada praktik klinikal yang mendorong kepada teknik terapeutic. Ini menunjukkan bahawa orientasi teori dan konsepnya memainkan peranan yang penting yang membantu ke arah keberkesanan proses kaunseling dan penyeliaan. Berdasarkan sorotan kajian lepas, jelas menunjukkan perbincangan berkaitan dengan orientasi teori harus diambil kira dalam pelaksanaan kaunseling atau penyeliaan kaunseling. Maka, dalam kertas kerja ini penulis menghuraikan tentang orientasi teori kaunseling dalam kaunseling dan penyeliaan kaunseling.

Katakunci : Penyeliaan kaunseling, perkhidmatan kaunseling

Pengenalan

Orientasi teori boleh dikonseptualisasikan sebagai ciri-ciri dalam proses atau faktor yang menjadi kaitan dengan proses dan hasil psikoterapi (Boswell, Castonguay & Pincus, 2009). Berdasarkan pernyataan tersebut, ini jelas menunjukkan orientasi teori adalah antara faktor yang penting dalam membantu mencapai hasil yang positif dalam proses kaunseling serta penyeliaan. Selain itu, orientasi kaunseling boleh didefinisikan sebagai satu set andaian yang mana ia menyediakan kaunselor dengan kerangka teori bagi menyediakan intervensi dalam perawatan (Poznanski & McLennan, 1995). Walaubagaimanapun, intervensi dan strategi bukan sahaja dilihat sebagai orientasi teori semata-mata, tetapi ia merupakan gambaran terhadap konsistennya konsep andaian yang diguna pakai oleh seseorang kaunselor. Selain itu, menurut Lionells dalam Poznanski dan McLennan (1995), menyatakan orientasi teori adalah merupakan kepercayaan peribadi dan sistem nilai yang dipengaruhi oleh budaya, sosial dan sejarah dalam kehidupan kaunselor tersebut. Ini menunjukkan bahawa orientasi teori adalah merujuk kepada pegangan dan kepercayaan seseorang kaunselor dalam aplikasi mereka dalam sesi kaunseling dan sesi penyeliaan. Antara lain, orientasi teori diperkenalkan kepada kaunselor adalah bertujuan untuk menawarkan pemahaman yang berbeza terhadap masalah yang dihadapi oleh klien dan bagaimana masalah tersebut boleh diselesaikan (Kolmes, 2009). Ini menjadikan orientasi teori salah satu faktor yang penting dalam proses kaunseling dan penyeliaan kaunseling.

Menurut Melchert (2013), orientasi teori dilihat memainkan peranan yang penting dalam amalan dan pendidikan pada kumpulan ahli psikologi profesional. Sebagai contoh, ia menjadi tidak mustahil sekiranya pelbagai teori dipelajari secara mendalam, tetapi ia adalah perlu untuk mereka mempelajari satu atau dua teori di dalam latihan. Selain itu, orientasi teori jelas menunjukkan pengaruh terhadap konseptualisasi kes dan intervensi yang dirancang kepada klien dan kaunselor pelatih. Pernyataan ini jelas menunjukkan, kepentingan orientasi kaunseling dalam proses kaunseling dan penyeliaan. Ini kerana ia bertindak sebagai panduan dalam merangka strategi dan intervensi dalam proses kaunseling dan penyeliaan.

Orientasi teori melibatkan teori yang pelbagai dalam aplikasi pendidikan dan praktikal seseorang kaunselor, ahli psikologi dan pekerja sosial serta dalam perkhidmatan menolong. Oleh itu, tiada satu pun teori yang mendominasi dalam penggunaan teori semasa menjalankan sesi kaunseling atau penyeliaan. Ini disokong oleh Prochaska dan Norcross (dalam Melchert, 2013), mereka menyatakan tidak terdapat satu teori pun yang menjadi dominasi dalam penggunaan. Oleh

yang demikian, aplikasi teori adalah bergantung kepada individu kaunselor, ahli psikologi dan pekerja sosial untuk memilihnya mengikut kesesuaian masing-masing dan fungsi teori tersebut secara praktikal.

Terdapat beberapa kajian sekitar tahun 1979 menyatakan orientasi teori tidak menyumbang atau memberi pengaruh terhadap hasil terapi. Oleh yang demikian, terdapat kemungkinan bahawa kurangnya kajian berkaitan orientasi teori adalah merujuk kepada dapatan kajian yang dinyatakan di atas. Walaubagaimanapun, terdapat pendapat daripada kaunselor bahawa untuk menjadi seorang kaunselor yang efektif, maka seseorang itu perlu mempunyai pegangan teori tertentu dalam menjalankan proses kaunseling (Stevens, Dinoff & Donnenworth dalam Poznanski & McLennan, 2003). Oleh itu, ia jelas menunjukkan yang orientasi teori adalah merupakan elemen yang penting untuk diberi perhatian dan diberi penekanan.

Sehubungan itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan orientasi teori ini berkait rapat dengan tingkah laku terapeutik yang mana ia menentukan keberkesanan terapi (Vasco, Garcia-Margues & Dryden dalam Poznanski & McLennan, 2003). Oleh itu, ini jelas menunjukkan kepentingan orientasi teori dalam proses kaunseling. Disamping itu, orientasi teori juga dilihat penting dalam menjamin keberkesanan proses kaunseling yang dijalankan oleh kaunselor. Ini kerana menurut Poznanski and McLennan (2003), ahli psikologi di Australia mengadaptasi teori ke dalam amalan. Walaubagaimanapun terdapat pelbagai faktor dalam membantu kaunselor memilih orientasi teori yang hendak digunakan. Antara faktor yang mendorong adalah seperti berikut umur, personaliti, terapi peribadi, dan berapa lama pengalaman adalah menjadi faktor penting dalam menentukan orientasi teori terhadap amalan kaunseling (Sundland's dalam Poznanski & McLennan, 2003). Oleh itu, berdasarkan pernyataan di atas terdapat pelbagai alasan, kriteria dan faktor dalam pemilihan orientasi teori dalam proses kaunseling dan penyeliaan kaunseling.

Keputusan Orientasi Kaunseling dalam Kaunseling dan Penyeliaan

Pelajar yang dapat kenalpasti minat terhadap satu-satu teori akan lebih bersifat yakin dengan apa yang dilakukan, mempunyai keperibadian yang lebih berani dan lebih bersistematik (Boswell, Castonguay & Pincus, 2009). Berdasarkan pernyataan berikut, ini jelas menunjukkan bahawa pegangan terhadap orientasi teori tertentu akan membantu meningkatkan keyakinan seseorang pelajar atau kaunselor pelatih serta kaunselor dalam menjalankan sesi kaunseling dengan klien. Selain itu, kaunselor pelatih atau kaunselor yang mempunyai orientasi teori akan menjalankan proses kaunseling berdasarkan panduan yang digariskan oleh teori tersebut. Ini akan menjadikan mereka lebih bersistematik dalam menjalankan proses kaunseling atau penyeliaan. Keyakinan mereka yang akan membantu mereka membangun dari segi personal dan profesional.

Orientasi teori membantu kaunselor atau kaunselor pelatih mempunyai rujukan dan kerangka teori bagi merancang intervensi semasa proses kaunseling dan penyeliaan. Terdapat 400 jenis orientasi teori dalam bidang ini, yang mana ia mempunyai skop dan fokus masing-masing (Corsini & Wedding dalam Melchert, 2013). Yang mana sesetengah teori ia mempunyai fokus masing-masing misalnya teori psikoterapi, teori kaunseling keluarga, teori kaunseling pemulihan dan teori penyeliaan. Berdasarkan spesifikasi teori yang terdapat ia menunjukkan bahawa teori adalah penting untuk merangka intervensi bagi menjalankan proses kaunseling dan penyeliaan.

Kaunselor atau penyelidik mempunyai pilihan bagi memilih teori yang menjadi rujukan dan pegangan dalam menjalankan kaunseling. Ini kerana teori menjadi asas dalam aplikasi proses kaunseling dan penyeliaan. Pemilihan teori oleh kaunselor pelatih akan menjadikan mereka lebih memahami falsafah dan pegangan mereka dalam menjalankan sesi kaunseling bersama klien dan semasa proses penyeliaan bersama penyelia. Selain itu, orientasi teori membantu membentuk falsafah seseorang kaunselor dan penyelia. Falsafah dan orientasi teori yang mendasari setiap tindakan, strategi, dan intervensi seseorang kaunselor dan penyelia itu adalah penting (Melchert, 2010).

Orientasi teori boleh membantu kaunselor dan penyelia memahami budaya klien dan kaunselor pelatih. Ini kerana, antara teori yang ada dalam bidang psikologi kaunseling adalah memfokus kepada budaya misalnya teori kepelbagaian budaya kaunseling. Mendalami teori budaya akan membantu kaunselor atau penyelia memahami latar belakang klien atau kaunselor pelatih yang menghadiri sesi kaunseling atau sesi penyeliaan. Apabila mereka memahami latar

belakang budaya klien atau kaunselor pelatih, strategi, teknik dan intervensi dapat dirangka dan dilaksanakan dengan sewajarnya. Oleh itu, mereka akan dapat mengetahui dengan lebih spesifik apakah perancangan kepada klien atau kaunselor pelatih berdasarkan rujukan budaya mereka.

Orientasi teori berkeupayaan memformulasikan dan mengkonseptualisasikan kes serta merancang intervensi sekurang-kurangnya dengan penggunaan satu teori secara konsisten. Aplikasi teori membantu kaunselor atau penyelia memahami kes klien dengan lebih jelas dan mendalam. Misalnya dalam teori naratif ia menerangkan bahawa seseorang klien adalah merupakan pakar dalam menyelesaikan masalah mereka sendiri dan kaunselor hanya memainkan peranan dalam membantu klien mengkonseptualisasikan masalah yang dihadapi oleh mereka di samping teknik seperti “externalisasi” dan “deconstruction”. Berdasarkan teori ini klien adalah merupakan individu yang memulakan dan mengambil keputusan kepada perubahan dalam kehidupan mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu teori membantu kaunselor atau penyelia mempunyai asas dalam merangka sesuatu tindakan dalam proses kaunseling atau penyeliaan kaunseling.

Pengetahuan dalam teori akan menjadikan seseorang kaunselor atau penyelia itu lebih efektif dalam menguruskan sesi kaunseling dan sesi penyeliaan. Ini kerana mereka mengetahui bagaimana untuk merangka dan merancang strategi, teknik dan intervensi khusus untuk klien mengikut isu atau masalah yang dihadapi.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya orientasi teori adalah menjadi asas kepada aplikasi praktikal secara klinikal bagi membantu meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kaunseling atau penyeliaan. Selain itu, berdasarkan sorotan-sorotan kajian lepas jelas menunjukkan yang orientasi teori adalah merupakan pembolehubah yang penting untuk dikaji samada ia mempengaruhi keberkesanan kaunseling atau penyeliaan dan hasil penyeliaan. Di samping itu, orientasi teori juga dikatakan membantu meningkatkan keberkesanan kaunseling dan penyeliaan. Oleh itu, berdasarkan huraian kepentingan orientasi teori dalam kaunseling dan penyeliaan, ia dilihat mampu menyumbang ke arah keberkesanan kaunseling dan penyeliaan serta meningkatkan hasil penyeliaan.

Rujukan

- Boswell, J.F., Castonguay, L., & Pincus, A., L. (2009). Trainer theoretical orientation: Profiles and potential predictors. *Journal Psychotherapy Integration*, 19 (3), 291-332.
- Poznanski, J., J., & Mc Lennan, J. (1995). Afterthoughts on counselor theoretical orientation: reply to Arnkoff (1995) and Gelso (1995). *Journal of Counseling Psychology*, 42(4), 428-430.
- Melchert, T., P. (2013). Beyond theoretical orientations: The emergence of a unified scientific framework in professional psychology. *Professional Psychology Research and Practice*. 44(1), 11-19.
- Gelso, C., J. (1995). Theories, theoretical orientation and theoretical dimensions: Comment on Poznanski and McLennan (1995). *Journal of Counseling Psychology*, 42(4), 426-427.
- Kolmes., K. (2009). Demystifying therapy: What's a theoretical orientation?. <http://drkolmes.com/2009/05/29/demystifying-therapy-whats-a-theory>, 1-5.